

BAB 11

TINJAUAN KAJIAN LEPAS

Dalam bahagian ini, beberapa dapatan kajian lepas yang berkaitan dengan pendidikan bestari dibincangkan. Kajian tersebut telah mengenal pasti beberapa idea umum yang dimiliki oleh guru berkait dengan pendidikan bestari. Kajian lepas dibincangkan dalam beberapa aspek seperti pendidikan, kurikulum, pengajaran, pembelajaran, pentaksiran, penggunaan teknologi, dan pengurusan.

i) Aspek pendidikan

Terdapat beberapa kajian umum yang meninjau persepsi guru tentang pendidikan bestari yang dilaksanakan di Malaysia. Namun begitu, kajian-kajian khusus konsepsi guru tentang pendidikan bestari dari perspektif bersepadu sejagat belum lagi dijalankan. Bagaimana pun, pandangan dan pendapat beberapa tokoh pendidik tentang beberapa aspek pendidikan yang boleh dikaitkan dengan aspek pendidikan bestari seperti pendidikan holistik dan pendidikan bersepadu telah dikenalpastikan.

Idea paling awal tentang pendidikan holistik di barat dikemukakan oleh ahli falsafah Yunani, iaitu Socrates. Beliau mentafsirkan elemen kerohanian manusia berada dalam keadaan paling sempurna dalam diri manusia dan potensi harus dikekalkan melalui proses pendidikan yang bersifat menyeluruh (Miller, 1989). Tinjauan awal Schubert (1986) tentang perkembangan awal pendidikan di Cina purba yang berpegang teguh pada prinsip falsafah Lao Tze dan Kung Fu Tze menekankan aspek jiwa dan kerohanian individu melalui proses merenung kembali ke dalam diri secara reflektif. Pendidikan

awal tersebut memperlihatkan ciri pendidikan menyeluruh kerana aspek kerohanian, kekeluargaan, kemasyarakatan, potensi individu diutamakan dalam pendidikan. Pada abad ke tujuh belas pula, pendidikan holistik mula berubah kepada satu corak pendidikan yang bersifat progresif dan berteraskan kemanusiaan. Kemunculan ahli falsafah, iaitu Jean Jacques Rousseau (1763) telah mengasaskan satu corak pendidikan yang berpusatkan kanak-kanak. Beliau memperjuangkan pembentukan potensi individu ke tahap maksimum melalui proses pendidikan yang memberi pengiktirafan sepenuhnya kepada potensi yang merupakan anugerah daripada Tuhan.

Bagi tokoh pendidikan Pestalozzi (1931) mengutarakan pandangan bahawa proses dan matlamat pendidikan seharusnya membabitkan perasaan kasih sayang yang perlu ada dalam jiwa supaya potensi jasmani, intelek, emosi, dan rohani dapat berkembang dengan sempurna. Pandangan ini disokong oleh Maria Montessori (1973) yang menganggap proses pembelajaran sebagai satu proses yang mengintegrasikan minda, jasad, dan rohani individu. Seterusnya, kemunculan ahli falsafah dan tokoh pendidikan terkenal, iaitu John Dewey (1916) yang mengasaskan fahaman pragmatism yang menganggap pendidikan sebagai satu proses menyepadukan pengalaman manusia, mengutamakan keperluan, minat, dan pencapaian individu (Miller, 1986). Namun begitu, Dewey menjelaskan bahawa manusia tidak memerlukan bimbingan agama dan kerohanian untuk meneruskan kehidupan (Miller, 1995). Tokoh-tokoh psikologi seperti Carl Rogers (1961), Abraham Maslow (1970), dan Arthur Combs (1985) pada keseluruhannya berpendapat matlamat pendidikan yang utama adalah untuk mengimbangkan perkembangan intelek, emosi, dan peranan individu. Misalnya, Maslow percaya bahawa sifat semula jadi manusia secara intrinsik adalah baik. Beliau berpendapat proses pendidikan seharusnya

menyediakan peluang untuk individu membentuk kemahiran dengan mengintegrasikan proses pembelajaran bersifat intelektual dengan pengalaman supaya pembelajaran menjadi lebih bermakna kepada individu tersebut.

Nampaknya, idea dan pandangan ahli falsafah dan tokoh pendidikan barat juga menumpukan beberapa aspek penting yang diutarakan dalam pendidikan bestari seperti kerohanian, perkembangan potensi manusia, pengalaman, konsep Pencipta, keseimbangan perkembangan individu, strategi pengajaran dan pembelajaran yang bersifat menyeluruh, dan kurikulum dan kandungan ilmu yang integratif. Walau pun pandangan tersebut disokong dengan hujah dan rasional tertentu, namun masih terdapat kegagalan sistem pendidikan barat dalam memperjuangkan aspek kemanusiaan dalam pendidikan (Blooms, 1987; Slaughter, 1989; Katz & Denti, 1996; Coombs, 1985). Krisis yang melanda pendidikan barat berpunca dari perbezaan konsepsi tentang aspek pendidikan seperti nilai, ilmu, manusia, akal, rohani, jasmani, emosi (Mohd Kamal, 1988; Khadijah Zon, 1988). Keterbatasan konsep khususnya aspek kerohanian barat dipersetujui oleh James & James (1991) dan Moore (1992) yang menjelaskan kerohanian sebagai usaha mendapatkan kebebasan individu.

Secara khusus, matlamat utama pendidikan holistik adalah pencapaian akal rasional yang dimanifestasikan melalui nilai, ilmu, kerohanian, dan kefahaman tentang alam sejagat. Pendidikan holistik tidak menumpukan perhatian wajar terhadap aspek mengabaikan persoalan yang menyentuh kefahaman sumber dan martabat ilmu selain aspek nilai dan akhlak untuk menyepadukan potensi insan dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek seperti yang diutarakan oleh ahli pendidik Islam seperti Al-Ghazali (1982), Qutb (1992), dan Naquib (1991). Menurut Al-Ghazali (1982), pendidikan

merupakan proses bagi melatih akal, jasmani, dan moral individu agar menjadi manusia yang berguna dunia dan akhirat (Ghazali 1984), manakala pendidikan menurut Qutb (1992) adalah satu proses memperkembangkan potensi intelek, fizikal, emosi, dan rohani berasaskan prinsip ketuhanan. Prinsip pendidikan bersepadu yang berpaksikan konsep Tauhid pula menekankan perkembangan potensi manusia ke tahap kesempurnaan secara menyeluruh dan seimbang. Naquib (1991) pula menjelaskan pendidikan sebagai proses pembinaan kefahaman dan pengakuan tentang tempat sebenar bagi sesuatu perkara atau peristiwa yang boleh membawa kepada kefahaman dan pengakuan tempat sebenar bagi Tuhan dalam susunan kewujudan.

Dalam konteks Malaysia, konsep pendidikan bersepadu ditakrifkan sebagai proses pembentukan pelajar dari segi penguasaan ilmu pengetahuan, pemupukan nilai-nilai murni dan perkembangan jasmani (Tajul Arifin, 1986). Pendidikan bersepadu yang berteraskan aspek ketuhanan dilaksanakan secara menyeluruh ke arah mewujudkan insan yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggung jawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Pengoperasian pendidikan bersepadu dilaksanakan melalui rancangan Kurikulum Baru Sekolah Rendah dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah Pendidikan bestari yang dibentuk sebagai berasaskan Falsafah Pendidikan Negara. Pembentukan pendidikan bestari yang direalisasikan melalui sekolah bestari masih berlandaskan Falsafah Pendidikan Negara yang menekankan perkembangan menyeluruh dan pemupukan nilai (Smart School Team Project, 1997a). Secara khusus, pendidikan bestari memberi penekanan pada perkembangan individu secara menyeluruh ke arah pembentukan warga Malaysia yang berakhlak mulia.

Beberapa kajian telah dijalankan di Malaysia untuk mengenal pasti pandangan guru tentang pendidikan bestari. Misalnya, Shamsul Shah (2000) mendapati 85.7% guru memahami konsep asas pendidikan bestari, sementara 14.3% menyatakan tahap kefahaman yang sederhana. Di samping itu, 50% guru mempunyai tahap keyakinan yang tinggi untuk melaksanakan pendidikan bestari, manakala yang lain mempunyai tahap keyakinan yang sederhana. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru perlu diberi latihan dan pendedahan untuk meningkatkan kefahaman tentang konsep dan pelaksanaan pendidikan tersebut.

Sarenandy (2000) pula meninjau pandangan 42 orang guru sekolah menengah tentang program pendidikan bestari. Dapatan kajian menunjukkan 89% guru memahami dan bersedia melaksanakan pendidikan tersebut, manakala 65% menyatakan keperluan meningkatkan kefahaman guru tentang pendidikan tersebut. Hasil kajian juga mendapati guru-guru memerlukan latihan bagi meningkatkan kefahaman dan kemahiran dalam melaksanakan pendidikan bestari. Selain itu, Siti Junaidah (1999) dalam kajian yang dijalankan ke atas 120 guru di dua buah sekolah menengah mendapati 99% guru mempunyai pandangan positif terhadap program pendidikan itu. Di samping itu, beliau mendapati 53.3% saja responden yang memahami dengan jelas tentang konsep pendidikan bestari, manakala yang lain masih tidak jelas tentang konsep tersebut.

Dalam kajian yang dijalankan Othman (2000) menunjukkan guru mempunyai pandangan yang positif tentang pelaksanaan pendidikan bestari walaupun menghadapi kesukaran dalam memahami cara pelaksanaan pendidikan tersebut. Dapatan juga menunjukkan bahawa kebanyakan guru memerlukan pendedahan dan latihan khusus tentang pendidikan bestari bagi membantu mereka melaksanakan pendidikan tersebut di

sekolah. Berasaskan kajian-kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa guru masih memerlukan pendedahan dan latihan bagi meningkatkan kefahaman mereka tentang aspek-aspek pendidikan bestari.

ii) Aspek kurikulum

Sehingga kini, belum ada kajian yang dijalankan secara khusus untuk mengenal pasti konsepsi guru tentang pendidikan bestari. Namun begitu, terdapat beberapa pengkaji telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti pandangan guru tentang beberapa aspek yang berkait dengan aspek kurikulum bestari, khususnya kurikulum bersepadu. Misalnya, Flake (1993) telah mengkaji persepsi pegawai-pegawai pendidikan dan penggubal kurikulum terhadap kurikulum tersebut. Hasil kajian menunjukkan subjek mempunyai tanggapan yang berbeza tentang kurikulum bersepadu. Antara lain, kurikulum itu dikenal pasti sebagai kurikulum yang memberi tumpuan kepada memperkembangkan potensi individu dari pelbagai aspek, manakala subjek lain pula menganggap kurikulum bersepadu sebagai kurikulum yang mencabar minda. Mereka percaya kurikulum yang mencabar boleh merangsang perkembangan daya kognitif, bakat, dan membolehkan individu pintar belajar lebih cepat dari jangka masa sepatutnya. Sehubungan itu, Flake mencadangkan beberapa kebolehan kurikulum bersepadu, iaitu mempunyai tema, menerapkan unsur kesepaduan antara mata pelajaran; mengaplikasikan kemahiran berfikir, kemahiran generik, dan pengetahuan baru; menggalakkan perkembangan pelajaran terarah sendiri; dan menggalakkan perhubungan dengan persekitaran termasuk budaya dan masyarakat. Dapatan kajian lain pula menunjukkan kurikulum bersepadu ditafsirkan sebagai kurikulum yang efektif dan mudah diubahsuai mengikut keperluan

n ciri pelajar (Vars, 1995; Jacob, 1998; Shoemaker, 1989, Costa, 1985). Kajian yang dijalankan oleh Vars (1995) ke atas guru sekolah menengah mendapati bahawa kurikulum bersepadu dikenal pasti sebagai kurikulum yang menyepadukan pelbagai disiplin ilmu, penguasaan berfikir, penyoalan tahap tinggi, kreativiti, kepelbagaian aktiviti, dan pembelajaran sendiri. Menurut beliau, kurikulum yang menyepadukan ilmu dapat membantu pelajar memperoleh pencapaian yang lebih baik dalam pelajaran. Jacob (1989) pula menganggap kurikulum bersepadu sebagai kurikulum yang fleksibel, iaitu bercirikan pembelajaran tahap optimum, adaptasi kurikulum berasaskan kebolehan pelajar, merentasi semua tahap perkembangan individu, direka bentuk dengan menggabungkan pelbagai kaedah, dan reka bentuk penilaian yang menilai potensi individu secara menyeluruh.

Dapatan kajian yang dijalankan oleh Shoemaker (1989) menunjukkan kurikulum bersepadu ditafsirkan sebagai kurikulum yang mengandungi susunan pelbagai aktiviti, pelbagai disiplin dan tema. Dapatan ini disokong oleh Beanne (1995) yang mendapati bahawa kurikulum yang perlu ada dalam pendidikan masa kini adalah kurikulum sepadu yang mengandungi pelbagai bidang ilmu pengetahuan dalam pelbagai disiplin. Haniza (1998) pula telah meninjau pelaksanaan sekolah bestari di Glenridge Middle School dan Hoover Middle School. Beliau mendapati pembentukan kurikulum bestari di Glenridge Middle School adalah berasaskan pengintegrasian di antara disiplin-disiplin lain, manakala pengajaran dan pembelajaran yang dirangka adalah berdasarkan pendekatan bertema, iaitu pengajaran dalam unit-unit yang telah ditetapkan mengikut tema. Hasil tinjauan tersebut juga menunjukkan pelajar dilatih dengan konsep kepelbagaian disiplin melalui pembahagian kumpulan multidisiplinari dalam mata pelajaran bahasa Inggeris,

matematik, sains, dan pengajian sosial. Menurut beliau, istilah kurikulum bestari yang digunakan di Hoover Middle School merujuk kurikulum yang membabitkan pengintegrasian dengan disiplin lain melalui pendekatan bertema.

iii) Aspek pembelajaran

Beberapa pendapat dan kajian terdahulu telah mengenal pasti pandangan guru tentang beberapa aspek yang berkait dengan makna pembelajaran bestari, iaitu pembelajaran koperatif, pembelajaran bertema dan integratif, dan pembelajaran melalui pengalaman. Perkins (1992), berpendapat bahawa pembelajaran bestari membabitkan proses pembelajaran berasaskan kebolehan dan kemahiran pelajar membuat aplikasi pengetahuan melalui proses berfikir yang provokatif, disokong dengan kemudahan teknologi, guru sebagai pemudah cara, dan menekankan kepada aktiviti berpusatkan pelajar yang menggalakkan kerjasama dalam satu pasukan. Menurut Perkins, proses pembelajaran menjadi bestari sekiranya pelajar mampu mencari alternatif dan membuat inovasi. Di samping itu, beliau berpendapat teknologi, multi media, dan pelbagai sumber turut menyediakan bahan pembelajaran. Seterusnya, Perkins mencadangkan beberapa strategi pembelajaran bestari, iaitu pembelajaran secara koperatif dan kolaboratif dan kepelbagaian peluang pembelajaran dan pembelajaran melalui pengalaman yang menggalakkan kreativiti dalam pembelajaran. Seterusnya, beberapa dapatan kajian menunjukkan pembelajaran koperatif dan kolaboratif dapat membantu menggalakkan kerjasama dan penglibatan aktif pelajar. Misalnya, Blosser (1993) dalam kajiannya ke atas guru-guru sekolah menengah mendapati pembelajaran koperatif dari pandangan guru merupakan pendekatan pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Menurut

beliau, pembelajaran berpusatkan pelajar membaitkan kepelbagaian aktiviti yang *melibatkan pelajar secara aktif dalam dan luar bilik darjah*. Jordan & Le Matais (1997) pula meninjau persepsi guru terhadap pembelajaran koperatif. Hasil kajian menunjukkan pembelajaran koperatif dapat membantu meningkatkan proses sosialisasi di kalangan pelajar. Beberapa dapatan kajian juga menunjukkan guru menganggap pembelajaran koperatif sebagai pembelajaran efektif yang dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam penyelesaian matematik (Webb & Farivar, 1994), penulisan dan pemahaman dalam bacaan (Stevens & Slavin, 1995), dan pemahaman konseptual sains dan matematik (Lazarowitz & Karsenty, 1998; House, 2000).

Seterusnya, Clark (1996) mengkaji sikap guru terhadap penggunaan pembelajaran koperatif dalam kelas. Kajian tersebut dilakukan ke atas 28 guru di Ranlin County School menggunakan soal selidik dan temu duga. Dapatan kajian menunjukkan 78% guru menyatakan penggunaan pembelajaran koperatif dan kolaboratif dalam kelas amat signifikan bagi membantu meningkatkan kualiti pembelajaran. Dalam kajian yang dijalankan oleh Van Tassel Baska (1998) ke atas guru besar mendapati pendekatan pembelajaran bertema dan integratif dianggap sebagai pembelajaran yang membantu meningkatkan proses pembelajaran. Menurut beliau, pendekatan pembelajaran tersebut memberi peluang pelajar mencuba pelbagai aktiviti mencabar dan menggalakkan interaksi dengan rakan sebaya.

Hertzog (1998) pula mengkaji persepsi 20 guru sekolah menengah tentang strategi pembelajaran yang berkesan. Dapatan kajian menunjukkan pembelajaran dalam kumpulan dan pembelajaran melalui pengalaman dikenal pasti sebagai strategi pembelajaran yang berkesan. Malahan pembelajaran tersebut memberi peluang

dan kebebasan memilih sendiri ahli kumpulan dan menentukan aktiviti pembelajaran yang sesuai dengan tahap kebolehan mereka. Menurut Partee (1996), pembelajaran yang dianggap berkesan membabitkan penggunaan komputer dalam bilik darjah. Beliau menjelaskan bahawa penggunaan komputer memberi pelajar peluang mengakses maklumat, menjawab soalan, menyelesaikan masalah, dan membuat hasilan kerja. Malahan Partee berpendapat bahawa penggunaan internet dalam pembelajaran membantu meningkatkan kemahiran khusus dengan lebih cepat, menyeronokkan, dan membolehkan pelajar memperoleh maklumat dari pelbagai sumber dalam dan luar negeri.

iv) Aspek pengajaran

Kajian khusus tentang konsepsi guru tentang pengajaran bestari dari perspektif bersepadu belum dijalankan. Namun begitu, beberapa kajian yang meninjau pandangan guru tentang beberapa perkara yang boleh dikaitkan dengan makna pengajaran bestari seperti strategi, pendekatan, dan aktiviti pengajaran efektif telah dikenalpastikan. Misalnya, Matyas (1999), yang mengkaji pandangan guru tentang kaedah pengajaran yang efektif mendapati kaedah pengajaran yang sistematik, metod penerokaan kaedah pengajaran antara disiplin, dan pengajaran menggunakan pelbagai sumber teknologi merupakan antara aspek pengajaran yang dianggap berkesan. Syinn (1997) pula mengkaji pandangan 30 guru tentang strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam proses pendidikan. Beliau mendapati lebih 75% guru menjelaskan strategi pengajaran tidak terarah menggunakan kaedah demonstrasi, kaedah perbincangan, kaedah pertandingan, dan pembelajaran melalui pengalaman merupakan strategi pengajaran yang sering digunakan dalam bilik darjah. Sehubungan itu, Syinn menyarankan penggunaan

strategi pengajaran yang pelbagai dalam bilik darjah dapat membantu meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pencapaian murid.

Linda (2002) dalam kajian ke atas guru sekolah menengah di St Louis Public Schools mendapati guru menggunakan pelbagai strategi pengajaran yang berbeza antara kelas mengikut kebolehan pelajar. Menurut beliau, pengajaran di kelas berkebolehan tinggi membabitkan strategi yang lebih mencabar berbanding dengan kelas biasa. Linda menjelaskan strategi pengajaran seperti penyelesaian masalah, penerokaan maklumat, dan kemahiran berfikir membantu pelajar memahami maklumat dan menjana idea.

Dalam kajian lain pula, Schilling (1997) telah mengkaji persepsi guru besar dan guru tentang elemen penting dalam pengajaran yang efektif. Analisis kajian menunjukkan bahawa pengajaran yang efektif membabitkan beberapa elemen seperti pengajaran berpasangan, pengajaran merentasi disiplin, pengajaran antara disiplin, penggunaan soalan beraras tinggi, dan aktiviti kumpulan yang mencabar.

Selain itu, Swanson (1997) pula telah mengkaji persepsi 8 guru sekolah menengah tentang strategi pengajaran efektif dalam kelas menggunakan kaedah temu duga dan pemerhatian. Keputusan kajian menunjukkan bahawa pengajaran efektif membabitkan penyediaan aktiviti kemahiran berfikir, penyediaan tugas yang mencabar minda pelajar, dan penyediaan bahan sokongan, khususnya teknologi. Malahan beliau mencadangkan bahawa amalan guru melakukan refleksi selepas pengajaran dapat guru meningkatkan pengajaran.

Menurut Bucker (1997), pengajaran yang membabitkan penggunaan pelbagai strategi pengajaran seperti ceramah, persembahan, dan penyelesaian masalah merupakan pengajaran yang dapat menggalakkan pelajar terlibat aktif. Beliau juga menganggap

pengajaran yang berkesan membabitkan pelbagai aktiviti seperti membuat keputusan, menganalisis data, menyelesaikan masalah, membuat inferens, mengenal pasti sebab akibat, dan mengikut arahan.

Beberapa pengkaji yang lain pula mengaitkan pengajaran berkesan dengan penggunaan komputer dalam bilik darjah. Misalnya, Beasley (1993) dalam kajiannya mendapati pengajaran yang berkesan membabitkan penggunaan komputer dalam pelbagai aktiviti bilik darjah. Menurut beliau, komputer membantu pelajar meneroka konsep yang kompleks dalam pengajaran sains dan matematik. Dengan perkataan lain, Beasley menegaskan bahawa pelajar harus diberi peluang meneroka konsep khusus menggunakan komputer dalam kelas. Witham (1991) pula berpendapat bahawa pengajaran efektif yang membabitkan penggunaan komputer membantu menarik minat, menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti, dan mewujudkan suasana yang menyeronokkan.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Janet (1998) menunjukkan bahawa guru mempunyai beberapa tafsiran tentang pengajaran yang berkesan. Antara lain, guru menganggap pengajaran tersebut membabitkan amalan penyoalan aras tinggi dalam pelbagai aktiviti. Ada juga guru yang berpendapat aktiviti berkumpulan dan gaya pengajaran guru yang sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar merupakan ciri pengajaran yang berkesan. Merante (1996) pula dalam kajiannya ke atas beberapa orang guru dan pentadbir di Blue Ribbon Middle School mengenal pasti beberapa strategi pengajaran yang berkesan dilaksanakan dalam bilik darjah. Beliau mendapati pengajaran yang berkesan membabitkan pelbagai strategi seperti pencepatan, aktiviti kumpulan, kajian kelas, pemulihan, dan mentoring.

v) *Aspek pentaksiran*

Beberapa kajian telah dijalankan yang antara lainnya bertujuan meninjau pandangan guru tentang beberapa aspek yang boleh dikaitkan dengan pentaksiran bestari seperti kajian-kajian tentang pentaksiran yang berkesan. Misalnya, Campbell, Campbell, dan Dickinson (1996) mengkaji pandangan guru tentang bentuk pentaksiran yang berkesan membabitkan aspek pelbagai kecerdasan dalam pendidikan masa kini. Analisis kajian menunjukkan pentaksiran yang berkesan membabitkan sistem pentaksiran yang mengambil kira aspek pelbagai kecerdasan, iaitu kecerdasan linguistik (penulisan esei), kecerdasan muzik (penulisan lirik lagu), kecerdasan kinestetik (tarian dan lakonan), kecerdasan antara perorangan (penyemakan rakan sebaya), kecerdasan perorangan (jurnal renungan), kecerdasan penglihatan ruang (tulisan dan peta minda), dan kecerdasan logik matematik (ujian matematik). Di samping itu, guru juga berpendapat pentaksiran yang membabitkan pelbagai aspek kecerdasan memberi peluang pelajar membuat penilaian sendiri dan mengenal pasti bidang yang perlu diperbaiki.

Beberapa kajian lain merumuskan pentaksiran yang berkesan merupakan pentaksiran yang berterusan dan mementingkan hasil pembelajaran melalui cara tertentu. Misalnya, Adam dan Hamms (1994) mendapati pentaksiran tersebut membabitkan pelbagai cara seperti projek, temu bual, kerja luar, dan portfolio. Menurut mereka, pentaksiran melalui pelbagai cara khususnya portfolio mampu menilai aspek perkembangan individu secara berterusan. Dengan kata lain, portfolio dapat mendokumentasikan objektif pembelajaran, draf kerja, membuat pembetulan, dan segala sumber pembelajaran termasuk artikel, jurnal, dan gambar. Selain itu, dapatan kajian Tellez (1996) pula menunjukkan bahawa pentaksiran secara berterusan melalui portfolio

memberi peluang perbincangan dua hala antara guru dan pelajar tentang aspek pengajaran dan pembelajaran. Kajian yang dijalankan oleh Tellez ke atas guru dan pentadbir di beberapa buah sekolah menengah menunjukkan bahawa pentaksiran yang berkesan membabitkan pentaksiran autentik yang membabitkan pelbagai cara seperti senarai semak, pemerhatian, profil, konferensi, dan portfolio. Menurut beliau, pentaksiran autentik membantu mentaksir individu secara menyeluruh dari aspek kognitif, afektif, dan fizikal.

Laura (2002) berpendapat pentaksiran yang berkesan membabitkan pelbagai cara yang boleh mentaksir kebolehan seperti ujian kertas pensel, dan penilaian alternatif. Menurut beliau, penilaian alternatif yang menggunakan kaedah kajian dan kerja kursus lebih signifikan dalam mentaksir pelajar. Maker (1996) pula menjelaskan bahawa penilaian alternatif membabitkan penilaian melalui portfolio dan kaedah projek. Sehubungan itu, beliau berpendapat bahawa guru perlu mempunyai kemahiran dan kebolehan dalam membuat penilaian, khususnya kemahiran pengkomputeran sesuai dengan kemajuan teknologi masa kini. Selain itu, Felicia (2000) pula menyatakan bahawa pentaksiran berkesan membabitkan persembahan pelajar melalui perbincangan kumpulan, kaedah projek, dan persembahan hasilan. Kajian yang dijalankan oleh Tonya (2002) mendapati pentaksiran melalui persembahan pelajar merupakan salah satu cara menilai yang adil bagi memastikan kefahaman pelajar dan aplikasi terhadap perkara yang dipelajari.

Hasil tinjauan yang dijalankan oleh Haniza (1998) di Glenridge Middle School, menunjukkan pentaksiran bestari yang dilakukan adalah berdasarkan penghasilan sebenar oleh pelajar. Beliau menjelaskan bahawa pentaksiran prestasi di sekolah tersebut

dilakukan oleh guru dan pelajar. Menurut beliau, guru menilai prestasi setiap pelajar dalam kumpulan berasaskan aspek tertentu seperti komunikasi, gaya tugas, tahap usaha yang dilakukan, kebolehan mempelajari kemahiran baru, dan isi kandungan, manakala pelajar dikehendaki menilai pencapaian ahli-ahli kumpulan menggunakan garis panduan yang disediakan. Seterusnya, hasil tinjauan Haniza mendapati bahawa guru berjumpa pelajar secara individu untuk membincangkan kelemahan, kekuatan dan cadangan yang sesuai untuk meningkatkan prestasi pelajar.

vi) *Aspek Penggunaan Teknologi*

Beberapa kajian dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti pandangan guru tentang keberkesanan penggunaan teknologi dalam pendidikan. Misalnya, Linda (1996) menjalankan kajian ke atas guru dan pentadbir sekolah tentang penggunaan teknologi. Dapatan kajian menunjukkan guru menganggap penggunaan pelbagai alat teknologi seperti komputer, radio, filem, televisyen, telekomunikasi, dan komputer dalam bilik darjah membantu meningkatkan peranan pengajaran dan pembelajaran dan menyokong komunikasi antara sekolah, guru, pelajar, ibu bapa, dan masyarakat.

Hall (1998) pula menjalankan kajian tentang penggunaan teknologi yang digunakan di salah sebuah sekolah menengah yang mengendalikan pelbagai program pendidikan. Beliau mendapati penggunaan teknologi di sekolah tersebut membantu pengendalian pengajaran dan pembelajaran secara berterusan, membantu perolehan maklumat, pengintegrasian kursus dengan sekolah lain, meningkatkan kemahiran berfikir, membentuk tanggung jawab sosial, meningkatkan kemahiran interpersonal,

menyediakan pengalaman dalam menganalisis, mengintegrasikan, menilai, meneroka topik, dan melaksanakan aktiviti kumpulan.

Beberapa kajian dijalankan tentang penggunaan teknologi yang efektif dalam proses pendidikan. Misalnya, Stallard (1991) menjalankan kajian ke atas pentadbir dan guru tentang penggunaan teknologi yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Beliau mendapati teknologi digunakan secara efektif dalam bilik darjah dapat menimbulkan minat dan meningkatkan prestasi pelajar. Menurut Stallard, penggunaan yang efektif membabitkan perisian berbentuk interaksi persembahan teks dan persembahan multimedia dalam pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian Leedham (1973) pula menunjukkan penggunaan teknologi secara efektif membabitkan penggunaan alat pengajaran moden seperti komputer, radio, dan televisyen secara sistematik dan tersusun. Menurut beliau, penggunaan yang sistematik membabitkan kemahiran dan teknologi canggih yang dapat memudahkan pembelajaran. Selain itu, Moldsted (1974) dalam kajiannya mendapati bahawa matlamat pembelajaran boleh dicapai dalam masa yang singkat apabila menggunakan teknologi secara efektif. Menurut beliau, pengajaran menggunakan bahan multimedia secara efektif lebih digemari oleh pelajar. Molsted menjelaskan bahawa penggunaan teknologi yang efektif dapat membantu pencapaian hasil pembelajaran lebih cepat dan mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Selain itu, Chandra (1987) telah menjalankan kajiannya ke atas guru sekolah menengah untuk meninjau penggunaan teknologi dalam bilik darjah. Dapatan kajian menunjukkan teknologi digunakan dalam kelas tersebut membabitkan komputer, bahan media, dan sumber pengajaran dan pembelajaran. Menurut beliau, penggunaan teknologi yang optimum membantu meningkatkan

pencapaian dan mewujudkan suasana bilik darjah yang menyeronokkan. Dapatan kajian itu juga menunjukkan bebanan kerja dan kurangnya motivasi merupakan faktor yang menghalang penggunaan teknologi secara optimum dalam pengajaran dan pembelajaran.

Beberapa kajian lain pula menumpukan kepada penggunaan teknologi secara optimum dalam pendidikan bestari. Antara lain, Pasukan Petugas Projek Sekolah Bestari di Silicon Valley, Amerika Syarikat (1996) menjalankan kajian tentang penggunaan teknologi di kalangan guru dan pelajar. Analisis kajian mendapati guru mempunyai beberapa konsepsi tentang penggunaan teknologi di sekolah tersebut. Misalnya, mereka menganggap penggunaan yang optimum membabitkan perubahan pendekatan pengajaran menggunakan teknologi sepenuhnya dan penglibatan pelajar dalam pengajaran dirangsang oleh penggunaan multimedia. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan ada guru yang menganggap penggunaan teknologi, khususnya komputer membantu pelajar mengoptimumkan gaya dan kepantasan pembelajaran dan membolehkan pelajar mengakses maklumat pada bila-bila masa. Akhir sekali, hasil kajian juga menunjukkan guru mempunyai konsepsi bahawa penggunaan teknologi membantu meningkatkan kemahiran berfikir, meningkatkan kemahiran dalam organisasi, dan menyediakan pelajar ke alam pekerjaan sesuai dengan zaman maklumat masa kini. Dalam kajian lain, Robinson (1995) mendapati kebanyakan guru menganggap penggunaan teknologi dalam kelas melibatkan penggunaan yang maksimum. Menurut beliau, penggunaan teknologi secara maksimum membabitkan aplikasi hamparan elektronik seperti pangkalan data, konferensi, dan penggunaan multimedia yang menggalakkan proses pembinaan ilmu, penyelesaian masalah, pembentukan komunikasi, penjagaan idea, pengaksesan maklumat, dan pemikiran kritikal di kalangan pelajar.

Haniza (1998) pula meninjau penggunaan teknologi bestari di Glenridge Middle School. Beliau mendapati bahawa pelbagai alat teknologi di sekolah tersebut digunakan secara maksimum. Antara lain, video dan komputer digunakan dalam pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran, manakala sistem telekomunikasi digunakan untuk mengakses maklumat. Selain itu, beliau juga menjelaskan bahawa pelajar digalakkan menghasilkan karya menarik menggunakan kemudahan teknologi multi media. Malahan komputer di sekolah tersebut digunakan untuk menyemak kehadiran dan membekalkan sebarang maklumat yang diperlukan. Dapatan tinjauan juga menunjukkan pusat media digunakan sebagai pusat penghasilan bahan-bahan multimedia. Para pelajar digalakkan menggunakan pusat tersebut untuk menjalankan kajian menggunakan komputer, multimedia, bahan-bahan bercetak, CD Rom, dan internet. Belcastro (2002) mengulas bahawa penggunaan teknologi di sekolah luar bandar membabitkan pelbagai perkara seperti penyelidikan literasi, komunikasi, kolaborasi dengan sekolah lain, dan interaksi dengan mentor bagi membantu pelajar mengembangkan potensi sepenuhnya.

vii) Aspek pengurusan

Beberapa penyelidik seperti Whale (1992), Merrick (1993), Stuber (1991), dan Dunham (1994) telah mengkaji pandangan guru dan guru besar tentang beberapa aspek yang boleh dikaitkan dengan makna pengurusan bestari seperti pengurusan yang berkesan. Merrick (1993) telah menemu duga guru besar di beberapa buah sekolah menengah di Birmingham tentang pengurusan pendidikan. Hasil temu duga tersebut menunjukkan pengurusan yang efektif membabitkan beberapa perkara seperti menyediakan garis panduan yang jelas tentang peranan dan tanggungjawab guru,

meyakinkan guru tentang kurikulum yang hendak dilaksanakan, mampu memenuhi kepuasan pelanggan, dan merancang perbelanjaan kewangan mengikut keperluan.

Stuber (1991) pula menjalankan kajian ke atas pengetua di dua buah sekolah menengah untuk mengenal pasti persepsi mereka tentang pengurusan pendidikan yang berkesan. Dapatan kajian itu menunjukkan pengetua mempunyai pandangan yang berbeza tentang pengurusan pendidikan tersebut. Antara lain, mereka berpendapat pengurusan pendidikan yang berkesan membabitkan pengurusan secara kolaboratif antara guru dan pentadbir menggunakan sumber yang sedia ada. Dapatan kajian juga menunjukkan ada pengetua yang berpendapat bahawa pengurusan pendidikan yang berkesan membabitkan penyediaan kemudahan yang lengkap dan sumber kewangan yang mencukupi. Menurut Stuber, pengurusan yang cekap membantu kejayaan program sesuatu program pendidikan. Whale (1992) menggariskan beberapa ciri pengurusan pendidikan yang cekap seperti mempunyai organisasi yang strategik, merancang matlamat yang berorientasikan pelanggan, mementingkan latihan dan perkembangan staf, menggariskan peranan dan tanggungjawab ahli organisasi dengan jelas, dan menekankan budaya kerja berpasukan. Dunham (1994) pula berpendapat pengurusan pendidikan yang cekap dan berkesan membabitkan hubungan yang baik antara staf dan pentadbir, kepuasan bekerja, dan pengagihan tugas yang adil mengikut bidang.

Rumusan

Pandangan tokoh-tokoh pendidik dan dapatan kajian yang telah dijalankan tentang aspek yang berkaitan dengan pendidikan bestari nampaknya menumpukan kepada beberapa perkara seperti makna pendidikan, kurikulum, pembelajaran, pengajaran,

penggunaan teknologi, pentaksiran, dan pengurusan. Berdasarkan kajian lepas, beberapa soalan yang membabitkan konsepsi guru tentang beberapa aspek yang berkait dengan pendidikan bestari telah dijawab. Antaranya ialah matlamat dan proses pendidikan; reka bentuk dan kandungan kurikulum bersepadu; pendekatan, strategi, dan alat yang digunakan dalam pengajaran efektif dan pembelajaran koperatif dan kolaboratif; penggunaan kaedah, masa, dan alat dalam pentaksiran; keberkesanan penggunaan teknologi, dan cara pengurusan pendidikan bestari.

Bagaimana pun, persoalan tentang konsepsi guru terhadap pendidikan bestari masih belum diteliti dari perspektif bersepadu sejagat. Dengan kata lain, penjelasan guru tentang pendidikan bestari dalam konteks kebendaan dan kerohanian masih belum dikaji secara mendalam. Justeru, kajian yang berteraskan perspektif bersepadu sejagat mungkin dapat menjawab sebahagian persoalan yang membabitkan konsepsi tentang pendidikan bestari dari kedua-dua aspek. Ringkasnya, pengkaji berpendapat satu kajian untuk mengenal pasti konsepsi guru tentang pendidikan bestari dari perspektif bersepadu sejagat adalah sesuai dijalankan. Dengan itu, persoalan tentang “Apakah konsepsi guru tentang pendidikan bestari” menjadi fokus kajian ini.